


PERJALANAN SALIB
MENUJU MALAYSIA PASTORAL CONVENTION (MPC) 2026



KEUSKUPAN KENINGAU

ISI KANDUNGAN

NO.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PERJALANAN ZIARAH MENUJU MALAYSIA PASTORAL CONVENTION (MPC) 2026	4
2.	SALIB	5
3.	MELIBATKAN SEMUA UMAT	6
4.	PERJALANAN BERSAMA	7-8
5.	TANDA SUCI	9
6.	REKA BENTUK SALIB & LAGU TEMA	10-12
7.	SANTA HELENA	13
8.	BERITA BAIK	14
9.	JADUAL PERJALANAN SALIB	15
10.	PENYERAHAN DAN PENERIMAAN SALIB	16-18



F) Acara Kesyukuran

- Acara kesyukuran dalam dewan untuk semua umat yang hadir adalah mengikut kreativiti Paroki masing-masing.
- Penyediaan makanan dan minuman adalah bergantung kepada perbincangan paroki masing-masing.

G) Penghormatan Salib sebelum pulang.

- Semua umat dijemput berdoa dihadapan Salib sebelum pulang di Paroki anda. Mohon agar memberi galakan kepada mereka untuk membuat penghormatan.

2) Cadangan Program sepanjang Salib berada di paroki anda.

- Misa Kudus
- Pentakhtaan Alkitab
- Katekesis tentang Sejarah Gereja Katolik di Keuskupan Keningau / Sabah / Malaysia
- Katekesis tentang Kerohanian Sinodaliti
- Katekesis tentang Penyataan Misi Pastoral Gereja Katolik di Sabah (Hasil dari Perhimpunan Pastoral Wilayah Sabah 2025)
- Penghormatan Salib
- Perdamaian keluarga
- Jalan Salib
- Berjaga dan berdoa di hadapan Salib (KKD / KOMITI / KOMUNITI / KUK / ZON)
- Doa: Rosari, Kerahiman Ilahi, Chaplet Roh Kudus, Taize.

*Nota: Bahan-bahan boleh diperolehi dalam laman web:

<https://gerejakatolik.my/home>



1. PERJALANAN ZIARAH MENUJU MALAYSIA PASTORAL CONVENTION (MPC) 2026



Sejak tahun 2016, Para Uskup Katolik di Malaysia telah berbincang, memahami dan merenung bersama dengan umat beriman yang terdiri daripada para Paderi, Religius dan Umat Awam tentang kemungkinan dan keperluan untuk semua sembilan (9) keuskupan di Malaysia berkumpul bersama sebagai Gereja Katolik di Malaysia. Oleh itu, diputuskan untuk diadakan Malaysia Pastoral Convention pada tahun 2026 yang akan menjadi perhimpunan rasmi untuk Gereja Katolik di Malaysia buat kali pertama.

Perjalanan ke Malaysia Pastoral Convention 2026 atau dikenali sebagai MPC2026, bermula dengan perhimpunan pastoral di pelbagai peringkat. Bermula dengan Perhimpunan Pastoral Paroki diikuti dengan Perhimpunan Pastoral Keuskupan dan kemudian Perhimpunan Pastoral Wilayah. Wilayah dikenali sebagai Sabah, Sarawak dan Semenanjung yang masing-masing terdiri daripada tiga (3) keuskupan. Selain daripada itu, dalam perjalanan menuju MPC2026 ini, turut diadakan Malaysia Religius Assembly (Perhimpunan Religius Malaysia) yang dihadiri oleh para Religius, dan Malaysian Catholic Youth Day (Hari Belia Katolik Malaysia) yang merupakan perhimpunan bagi para Orang Muda Katolik di seluruh Malaysia.

C) Perarakan.

- Gimik atau cara perarakan Salib untuk masuk ke dalam Gereja adalah mengikut kreativiti Paroki masing-masing. Libatkan semua umat di Paroki anda.

D) Misa Kudus.

- Mohon untuk rancang dan maklumkan awal dengan Paderi Paroki tentang Ketibaan Salib di Paroki anda agar Misa Kudus dapat dijalankan pada masa itu. Libatkan semua umat di Paroki anda.

E) Perkongsian umat (2 orang).

- Perkongsian adalah dua (2) orang daripada kalangan umat yang menghantar Salib. Perkongsian ini boleh dibuat sama ada dalam Gereja (semasa Misa) atau dalam dewan (semasa Acara Kesyukuran).
- Jika perkongsian itu dibuat dalam Gereja iaitu semasa Misa Kudus. Sila maklumkan dan berbincang dengan Paderi yang akan merayakan Misa Kudus pada masa itu.
- Jangka masa perkongsian umat yang akan dipilih adalah bergantung dengan perbincangan Paroki masing-masing.

Panduan perkongsian:

Memberi bimbingan kepada umat yang akan dipilih untuk membuat perkongsian agar tidak keluar dari fokus utama soalan.

Sila maklumkan kepada umat yang akan dipilih untuk memberi perkongsian agar menggunakan perkataan **SAYA** dan bukannya anda, kamu atau kita semasa dia memperkongsikan pengalamannya.

Soalan perkongsian:

1. Apakah pengalaman saya sepanjang bersama Salib ini?
2. Apakah makna Salib dalam kehidupan anda secara peribadi?

10. PENYERAHAN DAN PENERIMAAN SALIB

Semasa hari penerimaan Salib.

A) Acara sambutan ketibaan.

- Gimik atau cara sambutan ketibaan untuk para belia dan umat dari Paroki lain adalah mengikut kreativiti Paroki masing-masing. Libatkan semua umat di Paroki anda dan, mohon agar memberikan taklimat awal kepada mereka tentang perjalanan upacara penyerahan dan penerimaan Salib.

B) Upacara penyerahan dan penerimaan.

- Semasa ketibaan Salib, semua umat dari Paroki yang menghantar dan menyerahkan Salib kepada Paroki lain akan memberi kata-kata amanat berikut:

Kami umat dari Paroki (.....)

menyerahkan Salib ini kepada para umat di Paroki (.....) dengan harapan agar menjadi Gereja yang tampil dengan penuh keberanian serta iman yang bersemangat untuk menyampaikan sukacita Injil kepada sesama. Semoga melalui ini, kita dapat membantu membangun Gereja yang hidup serta menjadi warga yang sentiasa memperjuangkan keadilan, kedamaian dan perpaduan dalam masyarakat majmuk.

- Semua umat Paroki yang menerima Salib akan menjawab:

Kami umat dari Paroki (.....)



menerima Salib dengan hati yang bersyukur serta yakin bahawa Salib ini dapat meneguhkan iman kami untuk terus mengatakan YA kepada panggilan Tuhan serta tetap setia kepada Yesus Kristus seperti Bonda Maria yang setia mendampingi Yesus berdiri di kaki Salib.

Inilah kami TUHAN, pakailah kami sebagai alat-Mu sesuai dengan kehendak-Mu.

Amin!

- Semua umat akan menjawab: Amin!.
- Setelah Salib diterima, semua umat bersama-sama menyanyikan lagu tema Perjalanan Salib: “Bangkitlah” dan perarakan bermula.

2. SALIB



3. MELIBATKAN SEMUA UMAT


Perjalanan Salib di setiap Keuskupan akan dikendalikan oleh Komiti Penyelaras Keuskupan yang diamanahkan. Bagi Keuskupan Keningau, Komisi Kerasulan Belia Katolik akan mengendalikan perjalanan Salib ini. Namun, Perjalanan Salib bukanlah hanya untuk belia sahaja tetapi untuk semua umat dari kanak-kanak, belia, orang dewasa, warga emas serta semua lapisan masyarakat.

Perjalanan Salib ini bertujuan untuk menjangkau komuniti dan para umat bermula di peringkat akar umbi khususnya yang terpencil dan jauh dari pusat paroki serta kurang penglibatan dalam Keuskupan. Sepertimana tertulis dalam Injil Yohanes 4:5-30, *“Kadang-kadang Salib perlu hadir di tempat yang paling tidak dijangka untuk memudahkan pertemuan”*.

Adalah diharapkan juga agar Perjalanan Salib ini dapat menjangkau setiap umat beriman dengan melakukan ziarah ke seluruh pelusuk Keuskupan, berjalan bersama, mendengar secara aktif dan meraikan bersama.

8. JADUAL PERJALANAN SALIB

PAROKI	TARIKH
Pelancaran Perjalanan Salib semasa MCYD	02 April 2025
Pelancaran Perjalanan Salib peringkat Wilayah Sabah	13 Mei 2025
Pelancaran Perjalanan Salib di Keuskupan Keningau bertempat di Dataran Keuskupan (Masa: 4pm)	25 Mei 2025
Katedral St. Francis Xavier, Keningau	26/05/2025 - 22/08/2025
Roh Kudus, Sook	23/08/2025 - 17/10/2025
St. Anthony, Tenom	18/10/2025 - 14/11/2025
Bonda Maria Penolong Abadi, Kemabong	15/11/2025 - 19/12/2025
St. Yohanes Pembaptis, Sipitang	20/12/2025 - 02/01/2026
St. Valentine, Beaufort	03/01/2026 - 06/02/2026
St. Peter Bundu, Kuala Penyu	07/02/2026 - 06/03/2026
St. Patrick, Membakut	07/03/2026 - 10/04/2026
Holy Cross, Toboh	11/04/2026 - 22/05/2026
St. Theresa, Tambunan	23/05/2026 - 03/07/2026
Katedral St. Francis Xavier, Keningau	04/07/2026 - 31/07/2026
Salib dihantar ke Keuskupan Agung Kuala Lumpur	Ogos 2026



8. BERITA BAIK!

Selaras dengan perkembangan zaman dan dunia digital, Perjalanan SALIB dapat diikuti melalui media sosial dan laman web iaitu gerejakatolik.my. Semua orang adalah digalakkan untuk mengongsikan kisah mahupun testimoni pengalaman iman sama ada dalam bentuk doa, puisi, meditasi, renungan, gubahan muzik, lirik lagu, lukisan, video dan karya iman yang diilhamkan secara peribadi atau berkumpulan.



4. PERJALANAN BERSAMA


Terdapat tiga (3) Fasa dalam Perjalanan SALIB ini.

Fasa pertama adalah **Komuniti**. Kita berkumpul sebagai satu komuniti yang datang dari pelbagai latar belakang dalam kasih dan kesatuan Tritunggal. Bersama-sama, kita bertemu satu sama lain untuk mendengar dengan hormat dan merenung bagaimana untuk menerima Salib berdasarkan '*Sensus fidei*' yang kita kongsi bersama. Ini adalah sebagai persiapan kita sebelum Salib tiba di tempat kita.

Fasa yang kedua adalah **Partisipasi**. Semua umat adalah dilibatkan dalam Perjalanan Salib ini tanpa meminggirkan atau menyisihkan sesiapa. Sebagai umat Allah, kita bersama-sama mengakui bahawa semua orang beriman adalah layak dan dipanggil untuk melayani satu sama lain melalui karunia Roh Kudus. Ini adalah bagaimana kita meraikannya semasa Salib berada bersama kita.

Fasa yang ketiga ialah **Misi**. Misi kita adalah untuk mengongsikan dan menjadi saksi kasih Tuhan bagi semua orang. Kita bersama-sama menginjil dalam komuniti melalui persaudaraan dan dialog kehidupan kita sebagai hasil daripada pengalaman iman kita secara peribadi dan dalam komuniti. Inilah yang akan kita teruskan setelah Salib dihantar ke tempat lain.

Perjalanan SALIB memfokuskan kepada betapa pentingnya Sinodaliti, di mana setiap orang tidak dikecualikan. Perjalanan Salib adalah untuk semua orang dan bukan eksklusif untuk sesetengah golongan sahaja.



7. SANTA HELENA



Santa Helena dari Salib merupakan penaung kepada penemuan-penemuan baharu (new discoveries) serta yang dipilih oleh para Uskup Malaysia sebagai santa pelindung bagi aktiviti sepanjang Perjalanan Salib Katolik di sembilan keuskupan/agung. Adalah diharapkan agar setiap kita yang terlibat dalam Perjalanan Salib ini mempunyai tanggungjawab yang lebih besar untuk mencipta peluang untuk penemuan baharu bersama Tuhan kita yang telah bangkit.

Doa kepada Santa Helena dari Salib:

Santa Helena yang kudus,
dengan keperitan dan kebaktian, engkau telah mencari Salib Kristus.
Kami mohon kepadamu untuk memberi kepada kami rahmat dari Tuhan Allah untuk mengharungi badai kehidupan dengan penuh kesabaran,
agar melalui cabaran-cabaran hidup dan doa serta perlindunganmu,
kami mampu mencari dan memikul Salib
yang telah ditetapkan oleh Tuhan kepada kami,
supaya kami boleh melayani Dia dalam hidup ini
dan menikmati kemuliaan-Nya untuk selamanya.
Amen.

Lagu Tema Perjalanan Salib: “Bangkitlah”

Perjalanan Salib ini juga disertai dan diiringi dengan lagu tema bertajuk “Bangkitlah”. Lagu ini mencerminkan Tuhan yang menghendaki Putera Tunggal-Nya harus mengalami penyaliban untuk menyelamatkan umat manusia. Bagi kita yang telah mengetahui misteri-Nya di dunia ini, kita percaya menerima rahmat penebusan-Nya.

“Bangkitlah”.

Tuhan Engkaulah yang Mahakuasa
Kau teguh kekuatanku
Tetap sama dulu sekarang
Dan selama-lamanya

Bapa yang kekal pencipta alam
Kau kenal s’gala caraku
Tetap sama belas kasihMu
Untuk kami semua

Bridge 1:
*Kau beri ku hidup yang baru
Ku hidup kerana kasihMu*

Korus:
Bangunlah dan bersinarlah
Kibarkan bendera Tuhan
Menyampaikan khabar baik Yesus
Kepada semua bangsa

Tinggikanlah Salib Tuhan Yesus
Tuhan telah membebaskan kita
Dengan darah kemuliaannya
Kami bangkit semula
Bangkitlah

*Nota: Lirik dan Lagu boleh dimuat turun di:
<https://gerejakatolik.my/events/perjalanan-salib>

Tuhan Engkaulah Put’ra yang tunggal
Nama atas s’gala nama
Kaulah jalan dan kebenaran
dan kehidupan

Engkaulah raja dan penyelamat
Penebus s’gala dosaku
Berlimpah-limpah rahmat
dari SalibMu

Bridge 2:
*Datang Roh Kudus
Mengubah kita dan
membawa bangsaMu ke cahayaMu*


5. TANDA SUCI

Di peringkat kebangsaan, Perjalanan SALIB 2025-2026 dimulakan dengan upacara pemberkatan SALIB semasa Malaysian Catholic Youth Day (Hari Belia Katolik Malaysia) pada April 2025 dan akan berakhir semasa Malaysia Pastoral Convention pada September 2026 manakala di Keuskupan masing-masing, perjalanan akan bermula dari bulan Mei 2025 dan akan berakhir pada bulan Ogos 2026.

Selaras dengan semangat Sinodaliti, Perjalanan Salib ini juga akan menumpukan kepada empat perkara utama yang juga menjadi fokus dalam persiapan menuju MPC2026 iaitu:

- I. Gereja - *Evangelii Gaudium*
- II. Keluarga - *Amoris Laetitia*
- III. Alam Ciptaan Tuhan - *Laudato Si’*
- IV. Sosial Kemasyarakatan - *Fratelli Tutti*

Perjalanan SALIB ini juga bertujuan untuk menyatakan kepentingan Kekudusan dan bahawa seluruh komuniti umat beriman yang telah dibaptis dan dipimpin Roh Kudus, dapat mengenali dan merenungkan apakah kekudusan itu.



6. REKA BENTUK SALIB

SALIB yang di bawa dalam perjalanan ini adalah susunan unik dari sembilan (9) salib. Semasa Hari Belia Katolik Malaysia pada April 2025, SALIB diperlihatkan kepada semua umat beriman, diadakan penghormatan dan kemudian dipisahkan kepada 9 salib kemudian dibawa ke keuskupan masing-masing. Kita akan menyaksikan penyatuan sembilan SALIB ini sekali lagi pada September 2026 semasa MPC2026.

Pada September 2026, MPC2026 akan dimulakan dengan masa untuk berdoa dihadapan Salib oleh semua delegasi bagi mempersembahkan segala sukacita dan rahmat, kerisauan dan cabaran, harapan dan aspirasi iman. Adalah menjadi harapan, bahawa Perjalanan SALIB 2025-2026 dapat menyatukan semua umat beriman yang telah berziarah bersama SALIB, bersama-sama dengan para delegasi MPC2026 untuk pengalaman yang benar-benar sinodal.

Salib yang diperbuat daripada kayu khas ini mempunyai ketinggian 9 kaki dan lebar 5 kaki. Susunan unik SALIB, walaupun tidak teratur tetapi masih boleh dikenali, mencerminkan ciri-ciri keuskupan kita di Malaysia yang bersatu secara harmoni dalam kepelbagaian. Kedua-duanya saling melengkapi dan berdedikasi mengutamakan komuniti.

Ukiran Bunga Raya

Setiap Salib ini mempunyai rekaan Bunga Raya iaitu bunga kebangsaan Malaysia. Bunga Raya ialah simbol cinta untuk negara kita, tanda kemerdekaan kita dari pemerintahan asing dan perpaduan di kalangan kaum yang berlainan. Dari sudut rohani, Bunga Raya pada Salib melambangkan kemenangan Tuhan Yesus kita di seluruh dunia dan telah mendamaikan kita kepada Bapa dan menyatukan kita antara satu sama lain dalam Roh Kudus.

